

18 MAR 2003

Hishammuddin-Aman

JALAN MENCAPAI KEAMANAN KINI HANYA DI TANGAN PENDUDUK DUNIA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Malaysia berpendapat kesemua pendekatan diplomatik untuk mengelakkan serangan terhadap Iraq oleh pakatan Amerika Syarikat mencapai jalan buntu dan kini keamanan hanya boleh dicapai dengan penduduk seluruh dunia menunjukkan bantahan terhadap peperangan.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata walaupun Amerika tidak menghiraukan pandangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) atau Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), tapi seruan rakyat seluruh dunia dapat mengubah pendirian Amerika.

"Kami rasa sebarang serangan terhadap Iraq tidak sah. Rakyat seluruh dunia harus bersatu untuk mendapatkan keamanan. Mereka (Amerika) tidak menghiraukan organisasi-organisasi itu tapi mereka pasti tidak boleh abaikan suara dunia," katanya.

Hishammuddin berkata demikian pada sidang media selepas menerima kunjungan hormat duta Iraq ke Malaysia, Qais Subhi A. Al-Yacoubi di pejabatnya di sini, hari ini.

Sejak beberapa bulan kebelakangan ini jelas sekali Iraq sanggup membenarkan pemeriksaan terhadap senjata kemusnahan sejagat oleh pasukan pemeriksa antarabangsa dan sehinggakan telah memusnahkan peluru berpandu yang dilarang.

"Kami menyelaras usaha dengan negara-negara lain untuk membantu mencapai keamanan. Ini terpulang kepada masyarakat antarabangsa walaupun Majlis Keselamatan PBB ditolak oleh Amerika," kata Hishammuddin.

Bagi Malaysia, katanya, Aman Malaysia akan mengadakan rali keamanan yang mungkin bermula di Stadium Merdeka dan tamat di Dataran Merdeka pada Jumaat atau Sabtu ini.

Pada 23 Feb lepas, Aman Malaysia menganjurkan rali keamanan di Stadium Nasional Bukit Jalil dengan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan 150,000 rakyat Malaysia.

Sementara itu pada sidang media yang sama, Qais berterima kasih atas sokongan rakyat Malaysia terhadap negara itu dan juga rakyatnya.

"Malaysia ialah sebuah negara yang berani menyuarakan pendapat mengenai kempen zalim dan tidak adil terhadap rakyat Iraq. Apa yang Malaysia buat kini adalah di landasan yang betul," katanya.

Katanya, NAM, sebelum ini sebagai organisasi yang tidak aktif, kini menerima nafas baru selepas Malaysia mengambil alih pucuk pimpinan badan itu yang mempunyai 116-anggota pada bulan lepas.

Menjawab soalan seorang wartawan daripada agensi berita asing mengenai kata putus Presiden George W. Bush kepada Presiden Saddam Hussein untuk meninggalkan negara itu bagi mengelak serangan, Qais berkata: "Terdapat lebih banyak peluang untuk Bush mengundur diri. Kami bukanlah ingin sangat untuk berperang. Kami akan berperang. Kami akan menentang dan menang."

Ditanya apakah tindakan yang akan diambil oleh negara-negara Islam di seluruh dunia jika Iraq diserang, beliau berkata: "Tunggu dan lihat. Ada negara-negara seperti Malaysia, sama seperti semua umat Islam yang baik yang akan bersatu menentang serangan terhadap Iraq."

-- BERNAMA

SR MFJ DC PR